

8 ditahan jual minyak

diesel di tengah laut

SH 22/3/2021 n/s 27

**PASIR PUTEH** - Agensi Pengawal Kuasa Maritim Malaysia (Maritim) Kelantan menahan lapan nelayan warga asing yang disyaki menjalankan aktiviti penjualan minyak diesel di tengah laut dalam Ops Kuda Laut pada Khamis.

Kesemua mereka yang merupakan warga Thailand dan Kemboja berusia 18 hingga 60 tahun termasuklah seorang tekong ditahan di atas sebuah kapal tangki pada jarak 110 batu nautika dari muara Tok Bali di sini sekitar jam 8.08 pagi.

Kepten Maritim Malaysia Kelantan, Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, siasatan awal mendapati kapal berkenaan sudah lama aktif melakukan aktiviti berkenaan.

“Kebanyakan bahan api itu dijual kepada nelayan asing Vietnam yang menceroboh masuk ke negara ini.

“Namun, kita masih melakukan siasatan lanjut untuk mengesan dalang di sebalik aktiviti ini,” katanya kepada pemberita pada Ahad.

Menurutnya, berpandukan reka bentuk kapal, ia mampu memuatkan kira-kira 2,000 liter bahan api itu.